



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



KEFAHAMAN DAN PERSEPSI TERHADAP BUDAYA SILANG GENDER DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

UNDERSTANDING AND PERCEPTION OF CROSS-GENDER CULTURE AMONG UNIVERSITY STUDENTS

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin^{1*}, Mohd Anuar Ramli², Farah Farhana Rosli³

- ¹ Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam University of Malaya, 50603, Kuala, Lumpur/
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri
Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.
Email: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my
- ² Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur,
Email: mohdanuar@um.edu.my
- ³ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman, 06000 Jitra, Kedah
Email: dr_farahfarhana@ipgkda.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.03.2023
Revised date: 14.04.2023
Accepted date: 31.05.2023
Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Sharifuddin, N. M., Ramli, M. A., &
Rosli, F. F. (2023). Kefahaman Dan
Persepsi Terhadap Budaya Silang
Gender Dalam Kalangan Pelajar
Universiti. *International Journal of
Law, Government and
Communication*, 8 (32), 422-432.

DOI: 10.35631/IJLGC.832032.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Darsawarsa ini, lambakan suatu budaya silang gender atau lebih dikenali sebagai transgender di Malaysia menjadi salah satu cabaran besar kepada umat Islam masa kini. Kemajuan dunia digital menjadi batu loncatan kepada golongan ini untuk menormalisasikan budaya silang gender di negara ini. Gabungan kuasa teknologi dan lambakan aplikasi media sosial memberi kemudahan kepada semua golongan khususnya golongan muda untuk mengakses pelbagai bentuk perbincangan terutamanya berkenaan isu tersebut. Hal ini bersangkut paut di mana golongan muda turut menjadi penyumbang kepada percambahan golongan ini. Kita boleh lihat di media sosial, golongan silang gender semakin berani tampil secara terang-terangan menyebarkan ideologi mereka malah sehingga sanggup menghina agama Islam. Tamsilnya, mereka mengadakan siaran langsung di aplikasi media sosial peribadi sambil makan di siang hari pada bulan Ramadhan. Perbuatan ini memperlihatkan kerapuhan terhadap penghayatan agama yang mengakibatkan mereka melakukan perkara yang bertentangan dengan agama Islam tanpa mengambil kira soal pahala dan dosa. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kefahaman dan persepsi pelajar universiti mengenai isu silang gender di Malaysia. Tinjauan soal selidik diedarkan kepada responden yang merupakan pelajar di salah sebuah IPT di Malaysia. Keputusan dianalisis menggunakan Perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) secara deskriptif. Hasil

kajian mendapati bahawa responden menunjukkan tahap kefahaman yang sederhana terhadap isu gelaja silang gender di Malaysia. Selain itu, persepsi mereka terhadap budaya silang gender juga berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa isu silang gender perlu didedahkan secara meluas kepada pelajar universiti agar mereka lebih cakna dengan kehadiran budaya ini. Kajian ini juga dilihat amat signifikan untuk membendung masyarakat khususnya golongan muda Muslim daripada bersikap keterbukaan dalam menerima kehadiran budaya silang gender seterusnya terjebak dalam kancah silang gender yang bertentangan dengan syariat Islam.

Kata Kunci:

Gender, Normalisasi LGBT, Pelajar Universiti, Transgender

Abstract:

In the past decade, the proliferation of cross-gender culture, commonly known as transgender culture, in Malaysia has become a significant challenge to the Muslim community. The advancement of the digital world has provided a platform for this group to normalize cross-gender culture in the country. The combination of technological advancements and the abundance of social media applications has made it easier for all groups, especially the youth, to access various discussions, particularly on this issue. This is relevant as the younger generation also contributes to the emergence of this group. We can observe on social media platforms that the transgender community is becoming increasingly bold in openly spreading their ideology, to the extent of insulting Islam. For instance, they would livestream on their personal social media platforms while eating openly during the daytime in the month of Ramadan. Such actions demonstrate a fragility in religious understanding, leading them to engage in activities that contradict Islam without considering the concept of reward and punishment. Therefore, this study aims to assess the level of understanding and perception of university students regarding cross-gender issues in Malaysia. A survey questionnaire was distributed to respondents who were students at a university in Malaysia. The data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software in a descriptive manner. The study found that the respondents exhibited a moderate level of understanding regarding cross-gender issues in Malaysia. Additionally, their perception of cross-gender culture was also moderate. This indicates the need to extensively expose university students to the issue of cross-gender culture so that they become more aware of its presence. This study is considered significant in preventing society, particularly young Muslim individuals, from adopting an open-minded attitude towards accepting the presence of cross-gender culture and subsequently getting trapped in a realm that contradicts Islamic law.

Keywords:

Gender, LGBT Normalization, University Students, Transgender

Latar Belakang Kajian

Mutakhir ini, budaya silang gender atau lebih dikenali sebagai transgender bukanlah suatu budaya yang asing dalam perbincangan umat Islam. Pelbagai gerakan usaha dilakukan untuk menormalisasikan budaya ini dilakukan secara giat di seantero dunia telah menunjukkan hasil di mana terdapat negara yang telah mengiktiraf gender ketiga di dalam sistem perundangan mereka. Dengan pengiktirafan yang diberikan membuka ruang yang lebih besar untuk budaya

ini meresap ke negara-negara Islam yang lain. Budaya yang jelas bertentangan dengan peraturan fitrah Islam dan norma masyarakat setempat ini semakin berani menonjolkan diri serta menzahirkan gaya hidup mereka untuk paparan umum tanpa mengira kelompok usia. Seperti yang kita tahu, ideologi barat sentiasa berusaha untuk merosakkan akidah umat Islam masa kini. Akibatnya, lahir golongan Islam liberal yang berfikir terbuka menyokong golongan ini atas dasar hak asasi manusia. Hal ini sangat membimbangkan umat Islam khususnya golongan muda yang mana mereka lebih mudah terpengaruh dengan budaya-budaya songsang ini. Berbekalkan teknologi kini, mereka lebih mudah untuk mengakses laman sesawang dan media sosial seterusnya terdedah dengan kancah transgender ini. Tambahan lagi, anak muda kini lebih bebas bersuara secara terbuka di pelbagai platform media sosial tanpa batas. Mereka turut dipengaruhi dengan kehadiran pempengaruh sosial (social influencer) yang menonjolkan budaya transgender ini sehingga mampu membangunkan identiti baharu golongan muda ini (Azizan, Kariya & Jasmi, 2014). Lebih mencabar lagi apabila golongan transgender semakin bijak menggunakan teknologi untuk meraih populariti dan solidariti seperti di media sosial untuk menyebarkan propaganda mereka (Sharifuddin et al., 2020). Tidak terkecuali mereka yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam juga terlibat dalam kancah transgender (Fadzilah & Noremy, 2019, Farah & Sharifah, 2011, Fadilah dan lain-lain, 2007). Menurut Rahman dan lain-lain (2015), penglibatan masyarakat Malaysia yang berdaftar di laman-laman sosial LGBT secara umumnya menunjukkan masyarakat Melayu berada dikedudukan kedua tertinggi selepas masyarakat Cina yang mencatatkan peratusan sebanyak 70%. Lebih membimbangkan apabila terdapat kajian mendapati bahawa 90.5% profil Melayu adalah terdiri daripada golongan belia dalam lingkungan umur 20-39 tahun. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai tahap kefahaman dan persepsi pelajar universiti mengenai isu silang gender di Malaysia.

Sorotan Kajian

Umumnya, istilah gender merupakan suatu kontrak sosial yang merujuk kepada bagaimana masyarakat perlu berfikir untuk membezakan antara jantina lelaki dan perempuan dari aspek tingkah laku, psikologi, peranan serta sosial mereka (WHO, t.t; Manoek dan lain-lain, 2014; Siann, 2013; Pryzgodna & Chrisler, 2000). Menurut Ismail (2015), gender mempunyai perkaitan rapat dengan sifat maskulin atau feminin seseorang. Ia merupakan gambaran kecenderungan seseorang terhadap pemikiran, personaliti dan identiti berkaitan kelakian atau kewanitaan mereka. Contohnya bagi lelaki, mereka mempunyai sifat maskulin seperti kuat, gagah serta rasional dan menjadi norma masyarakat seorang anak lelaki di ajar untuk hidup secara lasak kerana perbuatan tersebut akan membina kontrak sosial yang gendernya maskulin. Manakala perempuan pula mempunyai sifat feminin seperti lemah lembut, halus, sopan serta penakut dan seorang anak perempuan di ajar untuk bermain anak patung yang akan membina kontrak sosial feminin. Manakala seks atau jantina pula ditentukan melalui ciri-ciri biologi dan fisiologi manusia yang membezakan antara keduanya (Hermawati, 2007; Ramli, 2012; Marini, 1990; Newman, 2021; Newman, 2002). Jantina lelaki dikenalpasti dengan adanya organ reproduktif zakar manakala jantina perempuan mempunyai organ reproduktif faraj. Selain itu, jantina juga boleh ditentukan dengan bilangan kromosom X dan Y di dalam diri mereka (Eckert & McConnell-Ginet, 2013; Thompson et al., 2022).

Transgender merupakan individu yang mempunyai keinginan dalaman yang kuat untuk menampilkan diri berlawanan jantina kelahiran mereka. Perlakuan mereka boleh direalisasikan dengan mengubah diri dari segi perwatakan dan pakaian. Bagi kelompok yang lebih ekstrem yang dinamakan sebagai transeksual akan melakukan proses pembedahan pertukaran jantina (sex reassignment surgery) (Benjamin, 1967; Teh, 2001) serta rawatan hormon untuk

mendorong kepada perubahan ke arah jantina berlawanan (Tayren et al., 2003). Namun ada beberapa kumpulan lain di bawah transgender seperti cross dresser dimana mereka memakai pakaian dan aksesori yang berlainan jantina mereka (Anna, 2013) serta drag king dan queen iaitu golongan yang memakai pakaian berlainan jantina pada acara-acara tertentu sahaja.

Di Malaysia, gejala transgender ini bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Wujudnya teknologi masa kini memberi ruang kepada mereka mempertontonkan kehadiran mereka terutamanya di media sosial. Malah mereka turut diberi peluang untuk menjadi duta produk atau mempromosikan barangan jualan kerana mempunyai pengikut yang ramai di media sosial. Hal ini sedikit sebanyak memberi ruang kepada golongan ini untuk terus bertapak kukuh di negara Malaysia, walaupun umum diketahui bahawa gejala silang gender ini adalah sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Beberapa fatwa telah dikeluarkan haram hukumnya bagi seseorang individu untuk mengubah jantina mereka sama ada melalui pembedahan pertukaran jantina atau menyerupai jantina bertentangan dengan asal. Perbuatan ini termasuk dalam konsep tayabbuh dan menjurus kepada kesalahan jenayah mengubah ciptaan Allah SWT. Namun terdapat segelintir negara yang mengiktiraf transgender sebagai golongan ketiga seperti Bangladesh, India, Iran, Pakistan dan Mesir di dalam undang-undang negara mereka (Shah, 2021).

Perbincangan mengenai isu silang gender ini banyak ditulis oleh para penyelidik. Pelbagai kajian telah dijalankan dalam pelbagai aspek antaranya termasuklah mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang untuk terjebak dengan gejala ini (Yusof & Timmiati, 2011, Azman & Ahmad, 2015, Rahim et al., 2017; Abdullah & Akhir, 2019), kajian mengenai transgender dari aspek perundangan di Malaysia (Shah, 2021; Abdullah & Akhir, 2017; Malib & Mustafa, 2014; Mohamad, 2015), kajian pendapat umum mengenai hak transgender di Malaysia (Wiston et al., 2010) serta kajian mengenai cadangan dan penyelesaian isu silang gender ini (Afandi & Sabree, 2019; Azman et al., 2019; Hafizah et al., 2021; Zuraidah et al., 2018).

Disamping itu, terdapat satu usaha untuk menormalisasikan budaya ini di Malaysia menerusi sebuah organisasi telah memuat naik iklan untuk mencari penyelidik bagi kajian “The Research on Feasibility of Having Legislation on The Recognition of a Third Gender in Malaysia”. Perkara ini telah mencetuskan kontroversi yang hangat kerana ianya seakan memberi ruang dan peluang kepada usaha untuk mengiktiraf dan cubaan menormalisasikan golongan ini di negara kita. Saban hari golongan ini berhempas pulas menuntut hak kebebasan asasi mereka, namun barah ini wajib dibendung sebelum merebak dengan lebih meluas lagi, seperti di negara-negara luar. Banyak tentangan dilakukan oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan atau Non-Governmental Organisation (NGO) dan tokoh tempatan mengenai usaha pengiktirafan ini. Hal ini kerana banyak implikasi yang bakal timbul sekiranya usaha ini berjaya, khususnya kepada generasi muda yang mudah terpengaruh dengan perkembangan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Hal berkaitan penciptaan manusia banyak dikisahkan di dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Sesungguhnya benar Kami ciptakan manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya*” (Surah at-Tin:4)

Fitrah kejadian lelaki dan perempuan yang mana merupakan aturan semulajadi menjadi bukti keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain”* (Surah al-Hujurat:13)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tiada kewujudan selain dua jantina yang diciptakan iaitu lelaki dan perempuan. Namun, terdapat juga manusia yang dilahirkan secara semulajadi mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan. Kes sebegini disebut sebagai khunsa di dalam Islam. Kita boleh menyelusuri sejarah manusia terdahulu dimana tiada agama Samawi atau mana-mana budaya yang mengiktiraf gender yang tidak jelas ini. Hal yang demikian boleh diambil iktibar daripada kisah kaum Nabi Allah Luth yang menerima balasan yang maha dahsyat disebabkan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Jika kita lihat tiada satu hadis Nabi SAW yang mengiktiraf mereka sebagai gender ketiga malah baginda SAW membuat pelbagai langkah untuk mencegah hal ini dari terus berleluasa seperti membataskan pergaulan, mengasingkan dan buang daerah kepada pelaku-pelaku tersebut. Seperti yang diketahui, perbuatan dan tingkah laku golongan ini bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini kerana mereka berperilaku songsang dan mengubah alat kelamin serta anggota tubuh jantina demi memenuhi orientasi seksual dan identiti gender mereka. Larangan melakukan perkara di atas termaktub di dalam al-quran, firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Dan aku (syaitan) benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya. Barangsiapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata”* (Surah an-Nisa’:119)

Selain itu, Rasulullah SAW turut melaknat perbuatan menyerupai lelaki atau perempuan yang menyerupai jantina yang bertentangan dengan jantina asal mereka. Perbuatan membuat perubahan kepada diri dan tubuh badan adalah sesuatu yang melangar hukum Islam tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Hal ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam perbuatan taghyir dan tasyabbuh. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa perbuatan ini adalah perbuatan yang dilaknat dan mendapat kejian daripada Allah dan Rasul. Kebimbangan terhadap kancah budaya ini semakin meluas terutamanya kepada generasi muda Islam yang bakal menjadi pemimpin dan tonggak negara serta agama yang senang terpengaruh dengan budaya-budaya asing. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai tahap kefahaman dan persepsi pelajar universiti mengenai isu silang gender di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan data kuantitatif melalui kaedah pengumpulan data menggunakan tinjauan soal selidik. Soal selidik ialah sejumlah soalan yg dikemukakan secara berterusan dalam borang tertentu untuk dijawab oleh sebilangan orang dalam usaha mencari dan mengumpulkan maklumat tertentu; (Kamus Dewan Edisi Keempat). Penggunaan borang soal selidik dipilih bagi mendapatkan maklumat kajian dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden (Etikan & Bala 2017).

Sebanyak 320 salinan borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar di salah sebuah universiti di Malaysia. Kaedah mengedarkan borang soal selidik dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan perisian Google Form. Kaedah secara dalam talian telah dipilih bagi mengedarkan borang soal selidik ini kerana kaedah ini dilihat paling popular yang digunakan dalam penyelidikan pada masa kini. Kaedah ini juga mudah dilakukan dengan menggunakan pautan yang tersedia dan dikongsikan secara dalam talian melalui e-mel, WhatsApp atau Telegram bagi mendapatkan jumlah responden yang maksimum dengan mudah dan cepat (Raja, 2018). Soal selidik telah dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama (A) adalah mengenai demografi responden. Bahagian kedua (B) adalah berkaitan kefahaman pelajar mengenai gejala silang gender. Dan bahagian ketiga (C) adalah berkaitan persepsi pelajar mengenai isu silang gender di Malaysia. Skala Likert digunakan untuk menunjukkan kekerapan iaitu antara 1 hingga 5: (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Tidak pasti, (4) Setuju, (5) Sangat setuju. Keputusan dianalisis menggunakan Perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) secara deskriptif.

Analisis dan Perbincangan

Tahap kefahaman dan persepsi mahasiswa berkaitan gejala silang gender ini dinilai melalui persoalan-persoalan yang berkaitan dengan situasi gejala ini di Malaysia. Hasil kajian dapat dilihat secara terperinci di dalam jadual 1,2 dan 3.

Bahagian A : Latar Belakang Responden

Jadual 1 : Latar Belakang Responden

Item	Total (%)
Lelaki	29.4
Perempuan	70.6

Dapat dirumuskan berdasarkan demografi dalam jadual 1 di atas, terdapat seramai 320 responden secara keseluruhan yang menjawab soal selidik ini dengan pecahan pelajar lelaki seramai 94 orang (29.4%) manakala pelajar perempuan seramai 226 orang (70.6%).

Bahagian B : Kefahaman Pelajar Universiti Mengenai Gejala Silang Gender Di Malaysia

Jadual 2 : Kefahaman Pelajar Universiti Mengenai Gejala Silang Gender Di Malaysia

ITEM	KEFAHAMAN (%)				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
S1. Saya faham mengenai isu semasa berkaitan silang gender di Malaysia.	71.8	26.9	1.3	0.0	0.0
S2. Saya faham dengan definisi silang gender.	1.3	2.5	11.9	32.5	51.9
S3. Saya sering mengikuti perkembangan isu budaya silang gender di Malaysia.	2.5	16.3	33.1	30.0	18.1

S4. Saya faham silang gender adalah aktiviti yang menghala ke arah bertentangan jantina.	3.8	1.9	6.3	25.0	63.1
S5. Saya faham budaya berpasangan antara lelaki dan perempuan juga adalah silang gender.	39.4	16.3	21.9	11.9	10.6
S6. Saya faham silang gender juga menumpukan pada mereka yang obses dengan hubungan sejantina.	5.6	3.1	12.5	25.0	53.8
S7. Saya faham silang gender adalah mereka yang cenderung ke arah tingkah laku wanita sahaja tanpa menukar jantina.	19.4	27.5	27.5	12.5	13.1
S8. Saya faham silang gender berpunca dari didikan keluarga.	20.6	24.4	33.1	14.4	7.5
S9. Saya faham hubungan rakan sebaya mempengaruhi sikap individu melakukan silang gender.	1.9	1.9	18.8	42.5	35.0
S10. Saya faham bahawa agama saya melarang mengamalkan budaya silang gender.	0.6	0.6	1.3	5.6	91.9

Berdasarkan jadual 2, kita dapat lihat dalam S1 sebanyak 98.7% tidak faham mengenai *isu semasa berkaitan silang gender di Malaysia*. Manakala 1.3% tidak pasti akan isu ini. Bagi S2, sebanyak 84.4% responden faham dan sangat faham tentang *definisi silang gender*. Manakala 11.9% responden tidak pasti dan 3.8% responden tidak faham akan perkara ini. Bagi S3, sebanyak 48.1% responden *sering mengikuti perkembangan isu budaya silang gender di Malaysia*, namun 33.1% responden tidak pasti dan 18.8% tidak tahu akan perkara ini. Bagi S4, sebanyak 88.1% responden faham dan sangat faham bahawa *silang gender adalah aktiviti yang menghala ke arah bertentangan jantina*. Namun 6.3% responden tidak pasti dan 5.7% responden tidak faham akan perkara ini. Bagi S5, 22.5% responden faham dan sangat faham bahawa *budaya berpasangan antara lelaki dan perempuan juga adalah silang gender*. Manakala 21.9% responden tidak pasti dan 55.7% responden tidak setuju mengenai perkara ini. Bagi S6, 78.8% responden faham dan sangat faham bahawa *silang gender menumpukan kepada mereka yang obses dengan hubungan sejantina*. Manakala 12.5% responden tidak pasti dan 8.7% responden tidak faham akan perkara ini. Bagi S7, 25.6% responden faham dan sangat faham bahawa *silang gender adalah mereka yang cenderung ke arah tingkah laku wanita sahaja tanpa menukar jantina*. Manakala 27.5% responden tidak pasti dan 46.9% responden tidak tahu mengenai hal ini. Bagi S8, 21.9% responden faham dan sangat faham bahawa *silang gender berpunca daripada didikan keluarga*. Manakala 33.1% responden tidak pasti dan 45.0% responden tidak faham mengenai perkara ini. Bagi S9, 77.5% responden faham dan sangat faham bahawa *hubungan rakan sebaya mempengaruhi sikap individu untuk melakukan silang gender*. Manakala 18.8% tidak pasti dan 3.8% tidak faham mengenai perkara ini. Bagi S10, 97.5% faham bahawa *agama mereka melarang untuk mengamalkan budaya silang*

gender. Manakala 1.3% responden dan 20.7% responden tidak pasti dan 1.2% tidak faham tentang perkara ini.

Bahagian C : Persepsi Pelajar Universiti Mengenai Gejala Silang Gender Di Malaysia

Jadual 3 : Persepsi Pelajar Universiti Mengenai Gejala Silang Gender Di Malaysia

ITEM	PERSEPSI (%)				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1. Aktiviti silang gender adalah dosa besar dalam agama.	0.0	0.0	0.0	90.0	10.0
2. Golongan silang gender adalah mereka yang berani berhadapan dengan masyarakat.	3.1	12.5	31.3	33.1	20.0
3. Silang gender adalah fitrah semula jadi individu.	63.1	26.9	10.0	0.0	0.0
4. Silang gender adalah penyakit mental.	10.0	10.0	29.4	21.3	29.4
5. Silang gender adalah anugerah Pencipta yang unik dalam perkembangan tubuh manusia.	71.9	16.9	11.3	0.0	0.0
6. Golongan silang gender adalah mereka yang mempunyai kecacatan fizikal pada anggota badan individu.	0.0	0.0	21.9	33.1	45.0
7. Golongan silang gender tidak wajar didiskriminasi.	36.3	12.5	27.5	13.8	10.0
8. Golongan silang gender perlu kekalkan perawakan sebagai lelaki dalam memenuhi rutin harian.	20.6	10.6	36.3	15.6	16.9

Berpandukan jadual 3, kita dapat lihat dalam S1 sebanyak 100% bersetuju bahawa *aktiviti silang gender adalah dosa besar dalam agama*. Bagi S2, sebanyak 53.1% responden setuju dan sangat setuju *golongan silang gender adalah mereka yang berani berhadapan dengan masyarakat*. Manakala 31.3% responden tidak pasti dan 15.6% responden tidak setuju dan sangat tidak setuju akan perkara ini. Bagi S3, sebanyak 90.0% responden tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa *silang gender adalah fitrah semula jadi individu*, namun 10.0% responden tidak pasti akan perkara ini. Bagi S4, sebanyak 50.7% responden setuju dan sangat setuju bahawa *silang gender adalah penyakit mental*. Namun 29.4% responden tidak pasti dan 20.0% responden tidak faham akan perkara ini. Bagi S5, 88.8% responden tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa *silang gender adalah anugerah Pencipta yang unik dalam perkembangan tubuh manusia*. Manakala 11.3% responden tidak pasti mengenai perkara ini. Bagi S6, 78.1% responden setuju dan sangat setuju bahawa *golongan silang gender adalah*

mereka yang mempunyai kecacatan fizikal pada anggota badan individu. Manakala 21.9% responden tidak pasti akan perkara ini. Bagi S7, 23.8% responden setuju dan sangat setuju bahawa *golongan silang gender tidak wajar didiskriminasi.* Manakala 27.5% responden tidak pasti dan 48.8% responden tidak setuju mengenai hal ini. Bagi S8, 32.5% responden setuju dan sangat setuju bahawa *golongan silang gender perlu kekalkan perawakan sebagai lelaki dalam memenuhi rutin harian.* Manakala 36.3% responden tidak pasti dan 31.2% responden tidak setuju mengenai perkara ini.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman mahasiswa IPT terhadap isu silang gender sangat rendah kerana majoriti daripada responden tidak faham akan isu ini (98.7%) walaupun hampir sebahagian daripada mereka sering mengikuti perkembangan isu budaya silang gender di Malaysia (48.1%). Namun, kita dapat lihat mereka mempunyai kefahaman tentang definisi silang gender (84.4%). Hal ini kerana mereka faham bahawa aktiviti silang gender adalah aktiviti songsang dimana mereka hendak mengubah jantina asal kepada jantina yang bertentangan dengan jantina kelahiran (88.1%). Di samping itu, sebilangan besar daripada mereka faham bahawa budaya berpasangan antara lelaki dan perempuan bukan budaya silang gender (55.7%) dan budaya ini menumpukan kepada mereka yang obses dengan hubungan sejantina sahaja (78.8%). Mereka juga mengakui bahawa rakan sebaya mempunyai pengaruh yang sangat kuat kepada seseorang individu untuk terjebak dalam melakukan budaya silang gender ini (77.5%). Namun, ada juga berpendapat bahawa hal ini berlaku disebabkan oleh didikan keluarga juga (21.9%). Dalam pada itu, dapatan juga mendapati mereka begitu faham pengamalan budaya silang gender ini adalah perkara yang bertentangan dengan ajaran agama mereka (97.5%).

Selain itu, pengkaji berpandangan bahawa mahasiswa IPT sedar bahawa budaya silang gender adalah satu kesalahan besar di dalam agama mereka kerana hukumnya adalah dosa besar sekiranya mengamalkan budaya ini (100%). Mereka juga mengakui silang gender adalah satu penyakit mental (50.7%) kerana mereka menganggap budaya ini bukan fitrah semulajadi seorang manusia kerana telah melanggar norma masyarakat (90%). Bahkan mereka juga beranggapan silang gender ini bukan suatu anugerah Pencipta yang unik dalam perkembangan tubuh manusia (88.8%). Hal ini disebabkan mereka yakin bahawa golongan ini mempunyai kecacatan fizikal pada anggota tubuh mereka (78.1%). Di samping itu, mereka berpendapat golongan silang gender ini wajar didiskriminasi (48.8%) kerana golongan ini sudah berani untuk tampil berhadapan di khalayak ramai dengan budaya luar norma mereka (53.1%) seterusnya menganggap golongan ini sepatutnya mengekalkan perawakan asli mereka dalam menjalani kehidupan seharian seperti manusia yang normal (32.5%).

Kesimpulan

Objektif kajian penyelidikan ini dicapai mengikut peratusan bagi setiap huraian. Ia dapat dilihat bahawa tahap kefahaman mahasiswa IPT mengenai gejala silang gender di Malaysia di tahap sederhana. Ini disebabkan masih terdapat mahasiswa yang tidak cakna isu yang semakin berleluasa di negara kita kerana telah wujud cubaan untuk menormalisasikan budaya ini di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa adalah penting untuk memastikan isu ini diketahui oleh seluruh masyarakat khususnya mahasiswa yang beragama Islam supaya mereka tidak terjebak dengan gejala ini. Namun, mahasiswa di IPT tahu bahawa hukum mengamalkan budaya silang gender ini diharamkan di dalam agama. Hal ini kerana Allah SWT melarang keras perbuatan menyerupai jantina yang bertentangan dengan jantina kelahiran.. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa mahasiswa untuk lebih mengambil berat dan berpengetahuan mengenai isu semasa yang berlaku di negara kita. Adalah disyorkan supaya pihak berkuasa

berkongsi maklumat-maklumat yang berkaitan dengan gejala ini supaya ianya dapat dibendung daripada terus merebak ke generasi yang akan datang disamping pengukuhan terhadap penghayatan agama juga perlu dititikberatkan dalam diri setiap individu di Malaysia.

Pengakuan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdullah, F. & Akhir, N. M., "LGBT Dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam", Jurnal Wacana Sarjana 3, No. 4 (2019), 1-11.
- Abdullah, Z., Sa'ari, C. Z., & Chang, L. W. (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali kepada Fitrah dari Perspektif Psikospiritual Islam: Transgenderism in Malaysia: Guide Plan Back to Fitrah from Islamic Psychospiritual Perspective. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 20(2). <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.9>
- Azizan, M. A., Kariya, M. A., & Jasmi, K. A. (2014). Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam. Jurnal Channel, 3(2), 1-16.
- Azman, A. A. B. J., & Ahmad, P. H. M. (2015). Latarbelakang, faktor pengekalan dan pandangan terhadap tingkah laku mahasiswa lelaki kecelaruan identiti gender. Southeast Asia Psychology Journal, Southeast Asia Psychology Journal, Universiti Malaysia Sabah.
- Benjamin, H. (1967), The Transsexual Phenomenon. Transactions of the New York Academy of Sciences, 29: 428-430. <https://doi.org/10.1111/j.2164-0947.1967.tb02273.x>
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing Questionnaire Base on Selection And Designing. Biometrics & Biostatistics International Journal, 5(6), 1-3.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Malib, M. A., and Mustafa, M. S. A. (2014). Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita? Journal of Business and Social Development. 2 (2).
- Manoek S-L, Mbwana J, Ludwig S, Kheswa S, Brown B & van der Merwe L (2014). Police sensitisation training manual: a guide for South African Police Service (SAPS) officers to the rights of sex workers and the LGBTI community Cape Town: Women's Legal Centre.
- Mohamad, M. (2015). Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender: Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat. 19.
- Newman T (2021). "Sex and gender- what's the difference?" Medical New Today, available at <https://www.medicalnewstoday.com/articles/232363.php>.
- Newman, L. K. (2002). Sex, gender and culture: Issues in the definition, assessment and treatment of gender identity disorder. Clinical child psychology and psychiatry, 7(3), 352-359.
- Pryzgoda, J., & Chrisler, J. C. (2000). Definitions of gender and sex: The subtleties of meaning. Sex roles, 43(7), 553-569.
- Ramli, M. A. (2012). Analisis Gender Dalam Hukum Islam. Jurnal Fiqh, 9, 137-162.
- Shah, M. H. S. M. H. (2021). Penambahbaikan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan: The Enhancement of the Sharia Criminal Laws in Coping with Transgender Issue in Malaysia: Challenges and Proposals. Sains Insani, 6(3). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.356>.

- Siann, G. (2013). Gender, sex and sexuality: Contemporary psychological perspectives. Taylor & Francis.
- Teh, Y. (2001). Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia: The influence of culture and religion on their identity. *International Journal of Transgenderism*. 5.
- Thompson, L., Sarovic, D., Wilson, P., Sämford, A., & Gillberg, C. (2022). A PRISMA systematic review of adolescent gender dysphoria literature: 1) Epidemiology. *PLOS Global Public Health*, 2(3), e0000245.
- World Health Organization "Gender equity and human rights". <http://www.who.int/gender-equity-rights/understanding/gender-definition/en/>.
- Yusof, F. B. M., & Timmiati, S. M. (2011). Lelaki Lembut: Faktor dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa. *Sains Humanika*, 56(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v56n1.229>.
- Zaini, F. et. al., "Sahsiah Pelajar Lelaki Lembut: Suatu Persepsi Masyarakat Kampus", *Jurnal Teknologi* 47, E (2007), 119-141.